

Nguyễn Trinh Thi

47 DAYS, SOUND-LESS

Step into an expanded cinema exploring
relationships between sound, silence and nature

12 Jan – 14 Apr 2024

Commissioned by the Han Nefkens Foundation,
Mori Art Museum, M+ Hong Kong and Singapore Art Museum

Han Nefkens
Foundation

sam
singaporeartmuseum
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA

Nguyễn Trinh Thi. Still of *47 Days, Sound-less*. 2024. Image courtesy of the artist.

Nguyễn Trinh Thi
47 Hari, Tanpa bunyi
2024

Video, dua skrin dan cermin

Video: tayangan tiga saluran, nisbah bidang 16:9, 16:9 dan 5:2,
hitam putih dan berwarna, bunyi (stereo), 30 min

**Ditugaskan oleh Yayasan Han Nefkens, Muzium Seni Mori, M+
dan Muzium Seni Singapura**

Mengambil ilham daripada novel karya Ursula K. Le Guin seperti *The Word for World Is Forest* (1972), karya pemasangan *47 Hari, Tanpa bunyi* oleh seniman Vietnam, Nguyễn Trinh Thi, ini mempersembahkan naratif fiksiyen tentang seorang lelaki yang merayau-rayau sendirian di hutan belantara, tanpa sebarang denai yang menjejak asal-usul beliau mahupun secebis ingatan terhadap siapakah diri beliau dulu dan sekarang.

Thi mengenalpasti “pinggiran” — termasuk landskap semulajadi yang dijadikan latar belakang, watak dan runut bunyi yang tidak dinamakan dalam filem Amerika Syarikat dan Vietnam yang dirakam di Asia Tenggara serta merungkai perspektif “yang lebih daripada kemanusiaan.” Pada Thi, karya ini adalah satu contoh “pawagam yang diperluaskan,” mencabar idea-idea konvensional penonton dan mempersoalkan kekuasaan unsur penglihatan dalam penceritaan filem.

Seniman ini menyatukan imej pokok, daun dan langit yang diolah semula dengan begitu teliti dan tekun dengan gema halus titisan air, bunyi cengkerik dan ciapan burung. Namun, tidak semua bunyi ini datang daripada unsur alami. Ada yang dihasilkan dengan alat

muzik masyarakat setempat dan masyarakat pribumi yang mirip bunyi semulajadi. Dalam video ini, beberapa orang Jarai—masyarakat pribumi di Tanah Tinggi Tengah Vietnam—berkumpul. Kedengaran perbualan mereka tentang seorang lelaki yang mempunyai mata yang bukan seperti mata manusia, sambil mereka bersiap sedia untuk menjalankan upacara pengkebumian.

Di tengah ruang pameran, sistem cermin memantulkan petikan rakaman di dinding sekeliling, menawarkan cara baharu untuk merenung perhubungan erat antara sesuatu tempat dan para penghuninya.

47 Hari, Tanpa bunyi dihasilkan dengan bantuan Yayasan Han Nefkens, Muzium Seni Mori, M+ Hong Kong dan Muzium Seni Singapura — Komisyen Imej Bergerak 2021. Komisyen ini merupakan platform yang menyokong pembikinan seni kontemporari dalam lingkungan imej bergerak. Ia terbuka kepada seniman dengan latar belakang Asia, atau menetap di Asia, yang berpengalaman dan mempunyai kerjaya seni yang mantap.